



**KETUA PENGARAH  
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**  
Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel.: 603-8891 3000  
Faks: 603-8891 3090  
Web mel: <http://jkt.kpkt.gov.my>  
E-mel: [kpjkt@kpkt.gov.my](mailto:kpjkt@kpkt.gov.my)

Ruj. Kami : JKT.B.900-8/1 Klt. 13 (18)  
Tarikh : 10 Julai 2015

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

File	17/8		Action
PAM			Info
PEF	17 AUG 2015		
PTP	email to Yati		Copy
PB	on 20/8/15		website + link in BK + link in FB

**SENARAI SEMAK PEMATUHAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) 34A, UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, UUK 34A UKBS 1984 telah memperuntukkan agar semua bangunan boleh diakses oleh orang awam, termasuk oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Namun dukacita didapati kebanyakan pembangunan baharu tidak mematuhi sepenuhnya undang-undang berkenaan. Hasil audit Jabatan ini mendapati hanya enam puluh peratus (60%) keperluan akses OKU dipatuhi. Perkara ini telah menjejaskan hak dan mobiliti golongan OKU. Untuk makluman juga, isu ini turut diberi perhatian oleh Kerajaan dimana isu ini telah lima belas kali (15) kali dibangkitkan melalui soalan-soalan di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat dari tahun 2013 hingga kini.

3. Sehubungan itu, bagi mengatasi isu ini, pihak Jabatan telah mengadakan satu senarai semak pematuhan UUK 34A, UKBS 1984 yang boleh diakses melalui laman sesawang Jabatan Kerajaan Tempatan di [jkt.kpkt.gov.my](http://jkt.kpkt.gov.my). Senarai semak ini telah disediakan berdasarkan MS1184:2014, *Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice (Second Revision)* yang terbaharu. Memandangkan penggunaan MS1184:2014 ini adalah mandatori berdasarkan UUK 34A(2), maka pihak Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) / Orang Yang Mengemukakan (SP) wajar menggunakannya sebagai panduan semasa merekabentuk, mengawasi dan memperakukan penyiapan sesuatu pembangunan baharu. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula boleh mensyaratkan penggunaan senarai semak ini kepada pihak-pihak berkenaan sebagai syarat kelulusan sesuatu pemajuan, pelan bangunan dan pelan kejuruteraan.

*for making info.*

**“PBT PERKASA, RAKYAT SEJAHTERA”**



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008

*18/8-15*